

Mesin moden tingkat produktiviti pengusaha kecil

BIA 7/1/2011 MS 4.

MPPP bimbing, bantu usahawan jana pendapatan

KOMUNITI

Oleh Sarah Sulaiman

sarahsulaiman@bhorian.com.my

CHERAS: Seramai 24 orang pengusaha industri asas tani sekitar Hulu Langat menerima sumbangan peralatan mesin penghasilan produk bernilai kira-kira RM200,000 di sini, baru-baru ini.

Program tahunan sejak 2006 itu menasaskan seramai kira-kira 30 pengusaha kecil setiap tahun yang mempunyai potensi untuk berkembang maju dengan menyalurkan kelengkapan mesin moden kepada setiap penerima yang sudah dipantau sejak permohonan dibuat.

Pengerusi Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen (MPPP) Hulu Langat, Datuk Johan Abd Aziz, berkata jumlah itu dipilih menerusi proses saringan yang ketat bagi memastikan setiap penerima memanfaatkan dana yang diperuntukkan dengan bijak.

"MPPP sentiasa berterusan menjaga kebajikan pengusaha ini dengan turut menjadi orang tengah bagi membimbing mereka meningkatkan produktiviti, sekali gus membantu menjana ekonomi isi rumah,

"Proses pengumpulan data maklumat mengenai lebih 2,000 pengusaha sama juga sedang giat dijalankan bagi mengenal dan membimbing usahawan kecil yang ada di sekitar Hulu Langat supaya tidak ada satu pun yang tercicir daripada menerima bim-



“*Saya berterima kasih dengan sumbangan diterima kerana sebelum ini, hanya menggunakan mesin tradisional bagi membakar tempahan kek yang diterima, tetapi penggunaan mesin moden selepas ini diharap dapat meningkatkan produktiviti dan memberi pulangan lumayan”*

Azimah Mansor
Peniaga

“*Selepas ini, saya tidak perlu menunggu lama bagi setiap produk untuk dibungkus kerana memiliki sebuah lagi mesin moden tambahan kepada satu mesin lama sedia ada. Saya puji usaha kementerian dan MPPP dalam sumbangan dana yang disalurkan”*

**Dzul Karnanin Mohd
Jasmi Tan**
Peniaga

bingan MPPP," katanya.

Hadir sama, Pegawai Pertanian, Pejabat Pertanian Daerah Hulu Langat, Hanifah Hasan.

Hanifah dalam ucapannya berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian sentiasa memantau setiap penerima supaya tidak meniaisiakan dana yang disumbangkan walaupun sejak tahun pertama hingga kini hanya 10 peratus daripada penerima bantuan yang bermasalah.

Katanya, antara masalah utama dihadapi penerima bantuan termasuk tidak mampu memasarkan produk dihasilkan selepas kira-kira dua tahun beroperasi dan menasihatkan mana-mana

pengusaha yang mempunyai masalah supaya segera mendapatkan khidmat nasihat bagi mengelak kerugian.

Sementara itu, kegembiraan jelas terpancar di wajah pengusaha industri pembuatan kek, Azimah Mansor yang menerima sumbangan mesin ketuhar dan pengadun kek.

Beliau berkata, bantuan diterimanya itu dilihat sebagai satu usaha murni untuk menjaga kebajikan usahawan kecil khususnya yang sudah lama beroperasi tetapi tidak mempunyai bimbingan mana-mana agensi.

"Saya berterima kasih dengan sumbangan diterima kerana sebelum ini, hanya menggunakan mesin tradisional bagi membakar tempahan

kek yang diterima, tetapi penggunaan mesin moden selepas ini diharap dapat meningkatkan produktiviti dan memberi pulangan lumayan," katanya.

Pendapat itu disokong pengusaha makanan sejuk beku, Dzulkarnain Mohd Jasmi Tan yang menerima mesin pembungkus yang dapat menjimatkan masa pembungkusan produk sejuk beku diusahakan.

"Selepas ini, saya tidak perlu menunggu lama bagi setiap produk untuk dibungkus kerana memiliki sebuah lagi mesin moden tambahan kepada satu mesin lama sedia ada. Saya puji usaha kementerian dan MPPP dalam sumbangan dana yang disalurkan," katanya.